



## **MOHD KAMAL ABDUL GHANI**

### **LATAR BELAKANG**

Beliau merupakan lulusan dari Lembaga Pendidikan Kesenian Jakarta (LPKJ) yang kini dikenali sebagai Institut Kesenian Jakarta (IKJ) dalam Ijazah Sarjana Muda Cinematografi pada tahun 1979 hingga tahun 1984.

Beliau ialah seorang *Colorist*. Secara amnya, beliau mempunyai pengalaman selama 26 tahun di dalam Industri Pengiklanan sebagai *Colorist*. Beliau telah menurut serta dalam beribu jenis pengiklanan dan pernah bekerja dengan beberapa pengarah dari dalam dan luar negara.

Sebelum menyertai ASWARA, beliau pernah menetap di Jakarta, Indonesia kerana kerjaya beliau dengan *Commercials Advertising* untuk *TV Advertisements, Movies, and Public Service Ads* sejak tahun 2000 hingga tahun 2013. Beliau juga pernah menyertai *VHQ Singapore* dan *Post Bangkok*.

Bekerja dengan bentuk sistem kesenian dikenali sebagai *Da Vinci Resolve* (semua versi dari 8 - 14), *Digital Intermediate (DI)*, *Film to Data/ Data to Film Transfer (Kine Transfer)*, and *The Digital Cinematography Work – Flow*.

Antara Pengarah dari luar negara yang beliau pernah bekerjasama ialah Christ Brewwald dari *Nirvana Film*, Antonio Saraceno yang merupakan pengarah terkemuka dalam automotif, Peter Aquilina dan beberapa lagi.

Beliau juga pernah bekerjasama dengan pengarah tempatan seperti Garin Nugroho pengarah terkenal Indonesia bagi filem Daun Di Atas Bantal, Cinta Dalam Sepotong Roti dan lain-lain, Hanung Brahmantyo, Anggi Umbara bagi filem Mama Cake, Herwin Novianto dari filem Tanah Surga, Awarde Citra, Yadi Sughandi iaitu Pengarah Fotografi Terbaik, dan Jujur Prananto iaitu penerima anugerah Penulis Skrip bagi filem Ada Apa Dengan Cinta.

Beliau turut terlibat dalam pembikinan muzik video di Indonesia antaranya ialah muzik video Separuh Aku, nyanyi Ariel Noah iaitu seorang penyanyi terkemuka di Indonesia dan banyak lagi.

## **PENCAPAIAN**

Di industri Malaysia pula, beliau pernah bekerjasama dengan ramai pengarah tersohor seperti Kamal Mustafa, arwah Yasmin Ahmad yang memenangi Anugerah Pengiklanan Petronas Hari Raya, Joe Hafsham, Faridah Merican, U-wie Saari dalam filem Kaki Bakar dan ramai lagi.

Beliau turut terlibat dalam projek seperti filem Werewolf of Bangladesh arahan Mamat Khalid, Gamatisme terbitan Dato Mashayu Puteh, Usop Wilcha Meghonjang Makhluk Muzium terbitan Usop Wilcha dan Burhanuddin Md Radzi, Munirah (filem pendek ASWARA) arahan Maxwell Mahatheran, Iklan Petronas Deepavali, TM Net Hari Raya, Surf This Love arahan Wan Mohd Hafiz, City of Love arahan Dain Said, Prudential Raya arahan Razaisyam, dan DBKL Raya Janji Amin arahan Razaisyam.